

Lulusan sarjana mengajar

BH - 4 APR 2007

MURID sekolah rendah bukan saja akan menerima pendidikan daripada lebih ramai guru lepasan ijazah dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga tetapi sebahagian daripada guru itu juga mungkin memiliki ijazah sarjana serta kelayakan dalam psikologi kanak-kanak.

Sejajar oeralihan ke arah ekonomi herasaskan pengetahuan, langkah itu adalah untuk memastikan guru memiliki kecekapan

tinggi dalam mengajar kerana proses pembelajaran di sekolah rendah menyediakan asas bagi kebolehan pembelajaran pelajar dan penyerapan pengetahuan.

Ini adalah antara beberapa langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam menghasilkan tenaga buruh yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran pemikiran yang tinggi sejajar dengan globalisasi dan kemajuan pesat dalam teknologi, demikian menu-

rut Laporan RRJP3 yang dibentangkan di Parlimen, semalam.

Langkah lain termasuklah mengkaji semula kurikulum sekolah untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar, terutama pada peringkat menengah dan rendah.

Pendidikan asas yang kukuh adalah asas bagi membina tenaga kerja yang berkemahiran untuk

bersaing dalam pasaran dunia, kata laporan itu.

Laporan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan sekolah akan disediakan dengan kemudahan untuk membolehkan mereka mengajar lebih banyak mata pelajaran menggunakan pengajaran teknologi multimedia interaktif dan berasaskan web.

Teknologi perkomputeran mudah alih akan di-

di sekolah rendah

perkenalkan di sekolah di luar bandar dan kawasan terpencil agar mereka turut sama menikmati faedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Selain menghubungkan majoriti sekolah termasuk yang berada di kawasan luar bandar dan terpencil menerusi Internet menjelang tahun 2020, satu mekanisme akan dibentuk untuk menghubungkan sekolah dengan industri bagi memastikan kurikulum se-

kolah relevan dengan industri berkenaan.

Industri akan digalakkan menerima pelajar sekolah menengah tinggi dan pelajar kolej menyertai latihan amali ketika cuti sekolah dan pengajian kolej, kata laporan itu.

Rancangan lain termasuklah mengubah universiti menjadi pusat bagi mewujudkan modal intelektual dan pengetahuan baru sebagai tambahan kepada peranannya menghasilkan

tenaga kerja padai masa depan untuk negara.

Ini bergantung kepada kebolehan mereka menghasilkan kumpulan penyelidikan berkualiti tinggi yang bergiat aktif dalam pendidikan dan pembangunan (R&D) serta mengusahakan kegiatan penyelidikan yang mempunyai daya maju komersial.

Sehubungan itu, beberapa universiti awam sedia ada akan disusun semula untuk menjadi universiti

penyelidikan yang menumpukan kepada program ijazah lanjutan.

Institusi swasta juga akan digalakkan meningkatkan pembabitan mereka dalam menyediakan pendidikan di semua peringkat dan memberikan insentif kepada universiti yang menawarkan kursus teknikal dan perubatan. Ia termasuklah keajanan tinggi dalam mengupah tenaga pengajar asing dan melonggarkan syarat ketat imigrasi.